

Media item

Full Text

MOSTI guna 20 dron agih bantuan untuk mangsa

Berita Harian, Malaysia by No author available

22 Dec 2021

Nasional - Page 0 - 297 words - ID my0046482269 - Photo: No - Type: -

Size: 363.00cm²

MOSTI guna 20 dron agih bantuan untuk mangsa Putrajaya: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menggerakkan 20 dron bagi menyerahkan barang keperluan asas seperti ubat-ubatan dan makanan kepada mangsa di lokasi tidak boleh diakses akibat banjir. Menteri, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, dron berkuasa tinggi itu mampu membawa bekalan berat dengan kapasiti lebih 10 kilogram pada satu-satu masa. Bagaimanapun, katanya, pihaknya menunggu kelulusan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) se - belum dapat menggerakkan dron diberikan lima syarikat swasta. "Dengan kebenaran ini nanti, selain dapat menghantar barang keperluan, ia juga boleh memberi maklumat kepada pihak berkaitan menerusi visual dari udara." Penggunaan dron ini juga dapat membantu pihak berkaitan memantau dan mencari mangsa banjir terperangkap serta melihat keadaan jalan Dr Adham (dua dari kanan) melihat produk teknologi hijau DeScale di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA) raya atau tebing terkesan akibat bencana ini," katanya pada sidang media selepas melancarkan penyelesaian rawatan air teknologi hijau dikenali De - Scale, semalam. Dr Adham berkata, penggunaan dron ini adalah antara inisiatif kementeriannya untuk membantu Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Peng - urusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menilai dengan lebih tepat kawasan terjejas banjir. Beliau berkata, dron itu nanti dikelola Pasukan Tindakan Kecemasan Khas Perkhidmatan Dron (PTK2Dron) yang ditubuhkan kementerian bersama Teknologi Park Malaysia (TPM) sebagai penyelaras. Dalam perkembangan lain, Dr Adham berkata, cerapan imej satelit sehingga semalam menunjukkan kira-kira 60 peratus kawasan digenangi air di Selangor menunjukkan pengurangan berbanding Sabtu lalu. "Sebagai contoh di kawasan Taman Sri Muda, dan Seksyen 24, Shah Alam, banjir kini sudah surut dengan kawasan liputan banjir berkurangan daripada 5.1 kilometer persegi kepada kira-kira 2.1 kilometer persegi setakat 6 petang semalam." Bagaimanapun, cerapan imej satelit di Pahang menunjukkan peningkatan kawasan digenangi air. Berikutan itu pemantauan akan diteruskan serta maklumat lanjut keluasan akan dibekalkan oleh Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.